

06 OCT 1998

MAHATHIR-IMF

DR MAHATHIR NAFI KAWALAN MODAL TAK SESUAI UNTUK JANGKA PANJANG

KUCHING, 6 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan tanggapan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bahawa langkah kawalan modal yang diambil oleh Malaysia tidak sesuai untuk jangka panjang.

"Mana dia tahu...siapa yang buat jangka panjang? China yang buat (begitu untuk) berpuluh tahun, saya nampak China yang maju sekali daripada negara Asia Timur lain," katanya dalam satu persidangan berita sebelum bertolak ke Kuala Lumpur selepas mengadakan lawatan sehari ke sini.

Beliau berkata demikian apabila diminta mengulas kenyataan pegawai IMF semalam yang mendakwa bahawa kawalan pergerakan modal, walaupun tidak pernah menjadi langkah jangka panjang berkesan, tetap sesuai dalam keadaan-keadaan tertentu.

Dr Mahathir berkata Korea Selatan, Indonesia dan Thailand yang menerima bantuan IMF dijangka menghadapi penguncupan ekonomi yang lebih teruk berbanding negara-negara yang tidak menerima bantuan dan mengamal cara-cara yang diminta tabung kewangan itu.

"Jadi IMF sebenarnya tidak berapa tahu tentang kesan daripada langkah yang diambilnya sendiri," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan akan mengambil langkah perlu terhadap mana-mana pihak yang cuba menggagalkan usaha pemulihan ekonomi yang dijalankan sekarang.

Apabila ditanya mengenai kemungkinan pemimpin anggota Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) tertentu akan memulaukan Sidang Kemunjak Apec di Kuala Lumpur bulan depan, beliau berkata beliau enggan mengulas mengenainya.

Beliau berkata beliau pernah memulaukan persidangan pemimpin Apec di Seattle, "jadi jika ada orang yang tidak mahu datang, saya tak memaksa mereka datang".

Dr Mahathir menegaskan bahawa beliau tidak akan mengubah tempat persidangan itu ke tempat lain, tetapi terpulanglah bagi pemimpin lain untuk memutuskannya untuk datang atau tidak. -- BERNAMA

OPP CJ